

SEBAGAI SEORANG DEWASA PENGIDAP THALASSAEMIA



Saya, **Mizal Bin Roslan**, berumur 29 tahun. Saya berasal dari sebuah perkampungan kecil Bukit Jelutong, Pulau Pinang. Saya merupakan anak pertama dari 6 adik beradik.

Saya menghidap penyakit Thalassaemia Intermedia. Disini saya ingin berkongsi cerita mengenai penyakit saya ini. Untuk maklumat pembaca saya menghidap penyakit Thalassaemia Intermedia sejak umur 3 tahun.

Bermula dari saat itulah saya terpaksa menjalani kehidupan sebagai seorang pesakit Thalassaemia di mana terpaksa menerima rawatan setiap sebulan sekali. Ibu bapa sayalah yang bersusah payah membawa saya untuk menjalani rawatan di hospital.

Pada mulanya saya tidak tahu apa itu Thalassaemia, namun apabila saya mengingkat dewasa, keinginan untuk mengetahui penyakit yang saya alami ini semakin mendalam dalam diri saya. Bermula dari saat itulah saya mencari maklumat tentang penyakit saya ini. Setelah beberapa tahun menerima darah, doktor telah mengesyorkan saya untuk menggunakan sejenis ubat iaitu 'Desferal'. Pada mulanya saya tidak tahu apa itu 'Desferal', cara-cara penggunaannya dan apa tujuannya.

Setelah saya melibatkan diri dalam Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang dan mengikuti seminar-seminar yang dianjurkan dapatlah serba sedikit pengetahuan tentang Thalassaemia dan Desferal. Pada masa itu harga Desferal sangat tinggi yang mana mencecah RM1000 dan bagi saya yang lahir dari keluarga yang berpendapatan rendah adalah tidak mampu untuk menggunakannya, membuat rawatan suntikan Desferal memang menyakitkan ini menjadi faktor mengapa saya tidak menerima rawatan yang disyorkan oleh doktor.

Seperti mana masyarakat melayu yang lain, saya juga tidak ketinggalan menerima rawatan tradisional. Saya beberapa kali dibawa oleh ibu bapa saya untuk menerima rawatan tradisional dari beberapa orang dukun namun ianya tidak mendatangkan hasil.

Akhir tahun 2005 saya diserang sakit yang amat teruk dimana kejadian itu berlaku semasa saya menghadiri seminar di Pulau Jerjak yang dianjurkan oleh Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang. Saya terus dibawa ke hospital Pulau Pinang untuk menerima rawatan. Saya mendapat tahu iron didalam badan saya mencecah sehingga 10,000. Saya bertekad diri saya dan berjanji pada doktor bahawa saya akan menjalani rawatan sepenuhnya. Selama 1 tahun saya berjuang untuk diri saya sehingga tahap zat besi dalam badan saya turun sehingga 1,000. Tahun 2006, saya membuat MRI Scan di Singapore masa itu iron dalam hati saya tahap pertengahan. Akhir tahun 2007 sekali lagi saya buat MRI Scan di KL, saya dapati iron dalam hati dan jantung saya sudah tiada iron lagi. Saya bersyukur dan gembira sekarang iron dalam badan saya bawah 1,000.

Saya rasa bersyukur keadaan hidup saya sekarang ini semakin sihat, saya juga berterima kasih kepada doktor yang merawat saya dan semua rakan-rakan yang memberi dorongan semangat kepada diri saya dan juga ibu bapa saya yang memberi harapan untuk terus hidup dan sihat seperti orang normal.

